

SABTU, 28 OKTOBER, 1978

Pembangunan di pedalaman

MASYARAKAT luar bandar dan pedalaman mempunyai hak yang sama dengan masyarakat pekan dan bandar kepada pembangunan. Sungguh pun Dato Seri Dr. Mahathir tidak menggunakan perkataan-perkataan itu, tetapi begitulah maksudnya bila beliau berkata terlalu sedikit projek Kerajaan dilaksanakan di kampung-kampung yang terpencil dan terbiar kerana kampung-kampung tersebut jarang-jarang dilawati oleh pegawai-pegawai Kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri mengaku pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan mungkin terlalu sibuk dengan urusan-urusan lain tetapi mereka janganlah melupakan masyarakat luar bandar yang miskin dan tidak berkemampuan yang harus juga menikmati nikmat-nikmat pembangunan.

Ramai dari masyarakat luar bandar dan pedalaman terdiri dari kaum Bumiputera dan ramai dari pegawai-pegawai Kerajaan, terutama pada peringkat-peringkat atasan, adalah juga Bumiputera yang diberi tugas untuk menyaksikan kelancaran pelaksanaan projek-projek pembangunan terutama di luar bandar. Oleh itu ada lebih dari satu sebab mengapa pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan tidak patut kurang memberi perhatian mereka kepada pembangunan di pedalaman.

Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad menyefu pegawai-pegawai Kerajaan termasuk pegawai-pegawai daerah mengubah sikap untuk menyesuaikan dengan perubahan masa dan keadaan. Mereka (pegawai-pegawai kerajaan) hendaklah senantiasa berkhidmat dengan penuh dedikasi dan ikhlas dalam menjalankan tugas masing-masing dengan berorientasikan pembangunan, katanya.

Dalam hubungan ini eloklah sekalian mereka yang berkenaan mendengar nasihat Timbalan Perdana Menteri iaitu mereka janganlah menumpukan perhatian kepada pentadbiran yang "routine" sahaja seperti pada zaman penjajah. Beliau tentulah mahu melihat pegawai-pegawai daerah dan lain-lain pegawai lagi kerap-kerap kali keluar melihat sendiri kemajuan sesuatu projek dan mendengar sendiri dari orang-orang kampung dan pedalaman sebarang pengaduan tentang kesulitan-kesulitan yang mereka hadapi, samaada kerana projek itu sendiri atau pun kerana tidak ada projek itu pada masa dahulu.

Kesimpulan ucapan Timbalan Perdana Menteri dalam sidang tiga hari pegawai-pegawai daerah di Kuala Lumpur ialah masyarakat luar bandar perlu diberi sepenuh perhatian dalam hal-hal yang mengenai projek-projek pembangunan untuk mereka supaya taraf hidup mereka dapat dinaikkan dan sebaliknya mereka tidak terus hidup dalam kemiskinan dan serba kekurangan.